

Newspaper	Utusan Melayu
Date	19/08/2017

Ku Li sokong RCI siasat semula tragedi Memali

GUA MUSANG 18 Ogos - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menyokong cadangan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat semula tragedi berdarah Memali pada 19 November 1985.

Beliau berkata, langkah tersebut dilihat sebagai antara kaedah terbaik untuk memuaskan hati rakyat berhubung peristiwa itu.

Bagaimanapun, katanya, penubuhan itu perlu diserahkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan kewajarannya.

"Kes ini sudah puluhan tahun lamanya dan ia dibawa ke Parlimen

dengan pembentangan kertas putih. Tetapi, kalau perlukan siasatan semula, bagus juga jika mampu memuaskan hati rakyat.

"Sekiranya ada benda tidak selesai, ia patut diselesaikan supaya rakyat puas hati," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Kebangsaan Sri Wangi 2, di sini hari ini.

Sementara itu, ditanya mengenai kewajaran bekas Perdana



TENGKU RAZALEIGH
HAMZAH

Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), beliau berkata, terpulang kepada Pengerusi Pakatan Harapan itu.

"Dia mahu bertanding atau menjadi calon Perdana Menteri, itu hak dia. Lagipun sepanjang tem-

poh 22 tahun menjawat jawatan itu, beliau (Dr. Mahathir) banyak menabur jasa dan masih ada pengaruh.

Um - 19/8/2017 P3.14